

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah Kerajaan mengambil keputusan untuk tidak melakukan ujian saringan COVID-19 dan kuarantin wajib bagi semua yang pulang dari kempen Pilihan Raya Negeri Sabah di antara 12 hingga 26 September 2020.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar kerajaan atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan bahawa individu yang pulang dari luar negara perlu menjalani kuarantin wajib di Pusat Kuarantin selama 14 hari. Mereka yang pulang dari Sabah merupakan perjalanan dalam negara. KKM telah mengambil langkah supaya mereka yang pulang dari Sabah perlu melalui saringan COVID-19 dan menjalani kuarantin sendiri di rumah sehingga mendapat keputusan saringan negatif COVID-19.

2. Kerajaan tidak mengambil dasar mewajibkan mereka yang pulang dari Sabah untuk menjalani kuarantin wajib 14 hari di pusat kuarantin kerana dasar tersebut sekiranya diambil, hendaklah juga terpakai kepada semua negeri atau kawasan dalam Malaysia. Mengambil contoh negeri Kedah umpamanya pada satu ketika sebelum penularan di Sabah pernah menjadi zon merah akibat penularan COVID-19 berpunca daripada kluster 'Siva Gangga", maka jika pendekatan kuarantin wajib 14 hari diambil, semua yang datang dari Negeri Kedah juga perlu di kuarantin wajib. Langkah ini dilihat tidak praktikal selain di luar kemampuan perkhidmatan kesihatan untuk melaksanakannya.

Sekian, terima kasih.